



NAMA PENUH: SAKINAH AL'IZZAH BINTI MOHD ASRI

MATRIK: A20EC0142

K/P:010715-10-0662

TEL: 011-23607340

KURSUS/SECT: UHIS1022-73 FALSAFAH DAN ISU SEMASA (PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES)

TAJUK: ULASAN WEBINAR WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

NAMA PENSYARAH: DR. ABDUL HALIM ZULKIFLI

Dekolonisasi berlaku apabila adanya kolonisasi dan pada abad ke-20 berlakunya satu bentuk baharu iaitu neokolonialisme. Kolonisasi ialah satu usaha atau idea yang dikemukakan oleh pihak penjajah merujuk kepada ideologi yang penting terdapat di barat pada masa itu. Yang pertama ialah *The White Mens Burden* yang bermaksud orang-orang barat menganggap bahawa memajukan atau memodenkan orang-orang yang tidak berkulit putih yang dianggap tidak bertamadun merupakan tanggungjawab mereka. Seterusnya, kolonisasi juga dikaitkan dengan usaha untuk mendapatkan sumber asli bagi memenuhi keperluan revolusi industri. Contohnya, bijih timah dan besi. Selain itu, ia juga dikaitkan dengan usaha untuk mendapatkan keperluan tenaga manusia dan upah yang murah, ia dipanggil perhambaan pada zaman penjajahan. Kesan daripada berlakunya kolonisasi ialah perhambaan akal budi kepada rakyat dan negara yang dijajah, menganggap semua yang datang dari barat adalah baik dan bagus dan melahirkan mentaliti kolonial (menganggap kita tidak maju dan untuk maju perlulah pergi ke negara Eropah).

Dekolonisasi berlaku selepas peperangan dunia yang pertama dan banyak negara yang telah dimerdekakan dari penjajahan ketika peperangan dunia yang ke dua. Tempohnya ialah 50 tahun terakhir dari abad yang ke-20. Dekolonisasi berlaku dalam dua bentuk iaitu rundingan atau melalui peperangan menentang penjajah atau kedua-duanya. Berlakunya penentangan terhadap penjajah apabila negara yang dijajah ini mendapati hasil bumi negara diambil. Seterusnya, mereka mahukan negara mereka dikawal oleh penduduk tempatan. Yang ketiga, negara yang dijajah ini mahukan keadilan. Antara proses pejuang-pejuang negara menentang penjajah ialah memastikan kuasa autonomi dikembalikan semula kepada penduduk tempatan, mendapatkan kebebasan dari sudut ekonomi, politik dan penguasaan mereka terhadap tanah air mereka sendiri. Selepas mendapatkan kemerdekaan pejuang negara telah memastikan perlembagaan negara bersesuaian dengan kehendak dan keperluan rakyat, memastikan sempadan dan wilayah di negeri-negeri berkenaan diletakkan pada tahap yang sebaiknya bagi mengelakkan kekacauan dan membentuk kuasa ekonomi dan sumber asli dengan membina syarikat seperti Petronas. Oleh yang demikian, dekolonisasi ialah satu proses mengurangkan unsur-unsur penjajah di negara tersebut yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin tempatan.

Rakyat di negara yang dijajah telah dekolonisasi melalui fizikal dan pemikiran. Dekolonisasi pemikiran bermaksud pembebasan dari daripada penjajahan epistemologi dan penjajahan cara berfikir. Aspek utama dekolonisasi pemikiran ialah bahasa. Bahasa bersifat syarat nilai di mana bahasa mempengaruhi pemakaian, gaya, pemakanan dan cara berfikir. Tidak salah untuk menguasai bahasa lain seperti bahasa Inggeris tetapi jangan berlebihan. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah memperkukuhkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan agar wujudnya jati diri. Seterusnya, aspek dekolonisasi dari aspek budaya. Masalah yang paling besar apabila kita melampaui sempadan budaya dengan terlalu mengikuti budaya barat. Sebagai contoh, kebanyakan genre muzik di Malaysia banyak di pengaruhi dengan genre muzik dari Barat, malahan genre muzik tradisional dipinggirkan. Hal ini demikian kerana, kita gagal untuk membebaskan diri kita dari sudut pemikiran dan budaya kita. Oleh yang demikian, kita perlulah bangga dengan budaya yang telah diperkenalkan oleh nenek moyang kita. Selain itu, dekolonisasi dari aspek keilmuan. Rakyat Malaysia haruslah memberi sumbangan keilmuan

yang terbesar dalam bentuk oksidenterism iaitu dengan melihat diri kita dari kaca mata kita untuk mengajar masyarakat dunia.

Neokolonialisme ialah peluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar ke atas negara lain yang baru merdeka, terutamanya melalui tekanan ekonomi. Neokolonialisme adalah praktik Kapitalisme, Globalisasi, dan pasukan kultural untuk mengawal sesebuah negara sebagai pengganti dari mengawal politik atau militer secara langsung. Kawalan tersebut seperti ekonomi, budaya, atau linguistik, dengan mempromosikan budaya, bahasa atau media di daerah jajahan mereka, koperasi tertanam di budaya dapat membuat kemajuan yang lebih besar dalam membuka pasar di negara itu. Dengan demikian, neokolonialisme akan menjadi hasil akhir relatif dari ketertarikan kepada bisnis yang jinak memimpin untuk merosak kesan kultural. Kata 'Neokolonialisme' pertama kali diperkenalkan oleh Kwame Nkrumah, presiden pertama pasca-kemerdekaan Ghana, dan telah dibincangkan oleh banyak sarjana dan filsuf pada abad ke-20, termasuk Jean-Paul Sartre dan Noam Chomsky.